



KUNCI ... Abidin menyampaikan kunci kepada salah seorang graduan.



BERTUKAR SKROL ... Abidin (dua kiri) dan Dr Mohd Harun bertukar skrol yang telah ditandatangani.

# Alumni UMS bakal cecah 40,000 orang, kata Dr. Harun

NST 16-10-2012 11

**KOTA KINABALU:** Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS), bakal mencecah kepada angka seramai 40,000 orang.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, Konvokesyen UMS ke-14 tahun ini telah memperlihatkan seramai empat ribu pelajar yang berjaya menerima ijazah kejayaan mereka.

Beliau berkata, mereka yang berjaya itu sama ada menerima sijil di peringkat Diploma, Ijazah

Sarjana Muda, Ijazah Sarjana mahupun Ijazah Doktor Falsafah kesemuanya merupakan penuntut dari 64 program akademik yang ditawarkan oleh UMS menerusi 13 buah sekolah dan sebuah pusat Pengajian Pasca Siswazah.

“Dengan peningkatan jumlah itu, sudah pasti UMS akan menjadi tumpuan para graduan yang secara tidak langsung berperanan sebagai duta dan juga agen kecemerlangan yang akan menyebarkan nama baik alma mater mereka dan

sekaligus bandaraya mereka,” katanya.

Menurut, Dr Mohd Harun sudah tentu para graduan menjadi ejen perubahan masyarakat selaras dengan kualiti mereka sebagai modal insan yang berilmu.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS di Perkarangan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), yang disertai seramai lebih 300 orang kelmarin.

Sementara itu, katanya, diseba-

lik segala kesibukan pihak UMS sentiasa menyokong dasar dan pelbagai inisiatif yang diperkenalkan pihak DBKK dalam usaha untuk meningkatkan kempen-kempen yang diwar-warkan DBKK.

“Kampus Sampah Sifar (Rubbish-Free Campus), Jenayah Sifar, Tiada Plastik, Pemanduan Berhemah, Kehijauan Persekitaran turut mengukuhkan hasrat kami untuk membangunkan suasana ‘Eco-Campus’ di UMS,” kata beliau.

Menurutnya, beliau turut ingin memberi penghormatan kepada pihak DBKK atas kecemerlangan tadbir urus prasarannya di bawah kepimpinan Mayor Bandaraya, Datuk Abidin Madingkir.

“UMS dan DBKK perlu meneruskan semangat dan muafakat agar prasarana serta ruang lingkup yang diperlukan dapat disajikan sesuai dengan tuntutan pengajian tinggi, baik untuk masa kini dan selamanya,” tambah beliau. -OLEH OLI CHONG